



**MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2**

Wednesday 16 May 2007 (morning)  
Mercredi 16 mai 2007 (matin)  
Miércoles 16 de mayo de 2007 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

---

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2<sup>e</sup> partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à amener des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.
- No se permite traer a la sala de examen copias de las obras estudiadas.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan dari sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.

## Cerpen

### 1. Sama ada

- (a) Terdapat cerpen-cerpen yang menumpukan kepada konflik dalaman yang dialami oleh watak-watak utama. Berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji apakah antara persoalan-persoalan yang dikemukakan untuk menimbulkan konflik dalaman ini dan apakah kesan yang anda rasa dari cara pengarang memberikan penyelesaian kepada konflik-konflik ini.

*Atau*

- (b) Berdasarkan karya-karya yang anda kaji, bandingkan teknik-teknik pemaparan atau penampilan watak yang anda rasa berkesan walaupun dalam skop penceritaan yang agak terhad. Huraikan aspek-aspek yang meninggalkan kesan-kesan tersebut.

## Drama

### 2. Sama ada

- (a) Penggunaan unsur-unsur perlambangan merupakan satu ciri penting dalam drama. Berdasarkan drama-drama yang anda kaji, kemukakan beberapa unsur perlambangan yang anda temui dan apakah kesannya terhadap kekuatan tema dan persoalan.

*Atau*

- (b) Perjuangan untuk mengatasi sesuatu cabaran besar merupakan antara tema yang terdapat pada drama. Berdasarkan drama-drama yang anda kaji, bandingkan bagaimana penulisnya menggambarkan perjuangan itu. Sejauhmanakah pula gambaran-gambaran itu menambahkan minat pembaca atau penonton?

## Novel

### 3. *Sama ada*

- (a) Bincangkan pengaruh dan dominasi watak-watak wanita di dalam novel sama ada secara jelas atau tersirat. Bagaimanakah dominasi ini digambarkan oleh pengarang-pengarang yang berbeza berdasarkan novel-novel yang anda kaji?

*Atau*

- (b) Kemiskinan menjadi satu latar sosial yang boleh menggerakkan jalan cerita. Berdasarkan karya-karya yang anda kaji bandingkan cara-cara pengarang yang berbeza mengeksplotasi kemiskinan untuk menggerakkan jalan ceritanya.

## Prosa Tradisional

### 4. *Sama ada*

- (a) Unsur-unsur humor sering terdapat dalam prosa tradisional. Dari karya-karya yang telah anda kaji bincangkan bagaimana unsur humor dipaparkan dan apakah kesan yang dihasilkan melalui unsur humor terhadap karya-karya berkenaan.

*Atau*

- (b) Dengan membandingkan dua atau lebih karya prosa tradisional yang anda kaji, bincangkan keunikan-keunikan yang terdapat pada struktur plot karya-karya tersebut.

## Puisi

### 5. *Sama ada*

- (a) Puisi boleh dianggap sebagai “suara” yang lahir dari hasrat mendalam seorang penulis. Berdasarkan karya-karya dari dua atau lebih penulis puisi yang anda kaji bandingkan sejauhmanakah masing-masing berjaya menampilkan suara dan hasratnya.

*Atau*

- (b) Penulis-penulis puisi cenderung menggunakan perlambangan atau pemilihan kata yang memungkinkan pelbagai tafsiran. Bandingkan karya-karya dari dua atau lebih penulis puisi yang anda kaji dan bincangkan kesan perlambangan atau pemilihan kata mereka terhadap kefahaman dan minat pembaca.

**Am**

**6. Sama ada**

- (a) Kuasa dan pengaruh satu pihak ke atas pihak yang lain sering juga dijadikan persoalan dalam karya sastera. Bincangkan sikap pengarang terhadap persoalan ini dan bandingkan cara-cara mereka memaparkannya melalui karya-karya yang anda kaji?

*Atau*

- (b) Hubungan baik atau buruk dalam keluarga boleh menjadi persoalan penting dalam karya. Berdasarkan karya-karya yang anda kaji bandingkan cara-cara dan keberkesanan pengarang yang berbeza menggunakan permasalahan ini dalam menghasilkan karyanya.

*Atau*

- (c) Terdapat penggunaan teknik-teknik yang berbeza untuk menyampaikan kritikan tentang sesuatu isu kemanusiaan atau kemasyarakatan dalam karya sastera. Bandingkan teknik-teknik berbeza yang digunakan untuk menyampaikan kritikan-kritikan itu. Sejauhmanakah teknik yang digunakan itu memberi kesan terhadap persoalan yang ditimbulkan?

*Atau*

- (d) Bandingkan gaya bahasa dua atau lebih pengarang yang anda kaji dan bincangkan kesan yang ditimbulkan oleh gaya bahasa dalam karya-karya mereka.
-